



# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	2/9/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 17
JABATAN	:	PERHILITAN		

## Lapan ekor burung enggang seludup dirampas di KLIA

**PUTRAJAYA** – Jabatan Perindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) berjaya menyelamatkan lapan ekor burung enggang daripada menjadi mangsa jenayah penyeludupan.

Spesies tersebut ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Sepang dekat sini baru-baru ini dengan kesemua unggas liar itu diselamatkan dalam satu operasi penguatkuasaan.

Perhilitan memaklumkan, operasi itu berjaya menahan dua suspek lelaki rakyat tempatan kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen sah daripada agensi itu bagi penyimpanan semua burung terabit yang dilindungi undang-undang.

"Satu laporan polis telah dibuat berhubung rampasan. Kesemua enggang itu kemudian

dibawa ke ibu pejabat Perhilitan untuk tindakan selanjutnya," kata Perhilitan dalam satu kenyataan semalam.

Terdapat 10 spesies burung tersebut yang boleh dijumpai di Semenanjung Malaysia dengan enggang papan atau lazim disebut sebagai *great hornbill* adalah antara spesies saiz terbesar di dunia.

Burung ini atau nama saintifiknya, *buceros bicornis* dikategorikan dalam senarai merah atau rentan oleh Kesatuan Pemuliharaan Semula Jadi Antarabangsa (IUCN) yang berpusat di Britain.

Unggas itu sering dicari ramai pemburu haram kerana paruhnya amat berharga, lebih mahal daripada gading gajah yang boleh mencecah harga RM4,000 di pasaran gelap luar negara.



SALAH seekor burung enggang yang diselamatkan Perhilitan di KLIA baru-baru ini. – IHSAN PERHILITAN

Kosmo, 2 Sept  
2021\_17

Ikuti **kosmo!.Online**  
sekarang!



imbias di sini

Paparan berita terkini, tular, dalam dan luar negara di hujung jari anda

